

BAB KELINA

## BAB KELIMA

### 5.1 Penutup.

Kebangkitan Islam yang diperjuangkan oleh Muhammad Abdul Wahhab telah berjaya menyedarkan umat Islam untuk bangun menghayati kesucian Islam keabadi. Perjuangannya yang jelas menentang segala bentuk bidaah, khurafat dan syirik telah menyebabkan umat Islam seluruh dunia membuka mata untuk melihat kearah mana perjuangan yang hendak dibawa oleh beliau.

Metod perjuangannya yang jelas berbeza dengan pejuang-pejuang Islam sebelumnya telah menyebabkan dakwahnya telah tersebar ke seluruh dunia Islam. Idea perjuangannya telah diikuti oleh gerakan-gerakan Islam selepasnya.

Kejayaan Muhammad Abdul Wahhab mengembalikan keagungan Islam harus disanjung dan dipuji. Penulis rasakan usaha tajdid dan islah yang dilakukan oleh beliau seharusnya dikaji dan dianalisa untuk dijadikan pengajaran dan pengiktibaran untuk umat Islam.

## 5.2 Kesimpulan.

Berdasarkan kepada fakta-fakta yang dikemukakan sebelum ini bolehlah di sini penulis membuat beberapa kesimpulan:

1. Perjuangan Muhammad b. Abdul Wahhab adalah merupakan gerakan kebangkitan Islam yang lahir pada awal abad ke 18. Gerakan kebangkitan Islam ini dianggap sebagai pembuka jalan kepada kebangkitan Islam yang lahir selepasnya.

2. Suasana kehidupan dan masyarakatnya yang menyimpang jauh dari ajaran Islam yang sebenar telah mempengaruhi jiwanya untuk mengajak umat Islam kepada menghayati Islam sebenarnya. Peranan bapa dan datuknya yang merupakan ulamak besar ketika itu telah memberi dorongan kepada beliau untuk bergiat dalam dakwah Islamiah. Begitu juga dengan pengembaraannya dari satu tempat ke satu tempat semasa menuntut ilmu, memberi peluang kepadanya untuk melihat keadaan umat Islam yang rosak aqidah telah memberi kesan dalam jiwanya untuk berjihad mengembalikan umat Islam kepada tempat yang sepatutnya.

3. Aliran pemikiran aqidah yang diperjuangkan oleh Muhammad Abdul Wahhab :

- a. Mengembalikan umat Islam kepada aqidah yang suci berdasarkan petunjuk Al Quran dan Al Sunnah.
- b. Memerangi segala bentuk syirik yang telah meresap ke dalam masyarakat umat Islam.
- c. Menentang amalan bidaah dan khurafat yang boleh memesongkan aqidah umat Islam. Amalan-amalan ini ternyata tidak pernah diamalkan oleh baginda Rasulullah s.a.w.

Ketiga-tiga pokok ajaran yang amat-amat ditekankan oleh Muhammad Abdul Wahhab ini disebabkan oleh suasana umat Islam ketika itu yang penuh dengan amalan bidaah, khurafat dan syirik. Penekanan ketiga-tiga aspek ini amat perlu bagi menyedarkan umat Islam dan mengajak mereka kembali kepada Islam yang suci.

Idea perjuangannya ini merupakan kesinambungan kepada idea yang diperjuangkan oleh Ibnu Taimiyyah dan muridnya Ibnu Qaiyyim. Bentuk persamaan ini dapat dilihat khususnya dalam persoalan aqidah yang diperjuangkan oleh ketiga-tiga tokoh ini.

4. Polimek sarjana Islam dan Barat terhadap pemikiran aqidah yang diperjuangkan oleh Muhammad Abdul Wahhab. Polimek sarjana ini ada yang bersifat menyokong (pro) dan ada yang bersifat menentang (kontra).

Menurut pandangan penulis, tanggapan para sarjana yang berbeza ini disebabkan oleh beberapa perkara :

a. Perbezaan pendapat dalam menanggapi sesuatu isu hukum agama yang berlainan dalam sesuatu mazhab. Contohnya persoalan iman dan amal. Bagi mazhab Imam Ahmad b. Hambalinya merupakan satu yang tidak dapat dipisahkan. Jika dipisahkan akan cacat iman seseorang. Aqidah ini sama dengan yang diperjuangkan oleh Muhammad Abdul Wahhab. Bagi mazhab-mazhab yang lain persoalan ini adalah berbeza antara satu sama lain.

b. Ijtihad seseorang yang melihat kepada keadaan dan tempat. Uapamanya pembinaan kubah di atas kubur dan menziarahinya. Mengikut pandangan Muhammad Abdul Wahhab pembinaan kubah adalah amalan yang dilarang oleh Rasulullah s.a.w dan menziarahi kubur pula dianggap salah apabila dengan tujuan untuk mendapat syafaat dan berdoa kepadanya. Ianya harus diperangi dan ditentang. Ada pula pandangan yang mengharuskan amalan tersebut.

Perbezaan pendapat ini harus dilihat dan ditanggapi dengan sewajarnya. Bagi pandangan Muhammad Abdul Wahhab yang melarang mungkin disebabkan kepada keadaan bangsa Arab ketika itu yang terlalu mengagong-agongkan kubur para solehin dan pergi menziarahi kubur bukan dengan

alasan untuk mendapat pengajaran dan peringatan. Mungkin bagi pandangan yang mengharuskannya berdasarkan keadaan dan tujuan yang berbeza menurut ijtihad masing-masing.

c. Perencanaan musuh-musuh Islam yang ingin memburuk-burukkan gerakan yang memperjuangkan Islam. Dengan cara mengkritik dan mengemukakan tuduhan tersebut boleh menghilangkan kepercayaan dan keyakinan umat Islam kepada sebuah gerakan Islam. Seterusnya menganggap gerakan tersebut sesat dan menyeleweng dari Islam.

5. Pengaruh dakwahnya telah melahirkan gerakan kebangkitan Islam di negara Islam lain. Perkembangan pengaruhnya itu disebabkan oleh beberapa perkara :

a. Kedudukan Kota Mekah yang merupakan tempat perhimpunan umat Islam seluruh dunia menyebabkan mereka dapat melihat sendiri kekuatan dakwah yang telah diusahakan oleh Muhammad Abdul Wahhab.

b. Pendekatan dakwah yang dibuat oleh Muhammad Abdul Wahhab yang bersifat praktikal membuatkan umat Islam dapat melihat kekuatan dan keunggulan nilai Islam yang tidak hanya tertulis di buku-buku dan risalah semata-mata.

### 5.3 Saranan.

1. Perjuangan tokoh-tokoh kebangkitan Islam yang terdahulu harus dihayati dan dijadikan pengajaran. Pendekatan dakwah dan pokok ajaran mereka harus diikuti dan disesuaikan di zaman ini.
2. Golongan pendakwah hendaklah menggunakan metod dakwah yang berbagai bentuk dan cara. Upamanya penggunaan teknologi moden dan media massa yang terdapat sekarang. Dengan cara ini akan menyebabkan orang ramai lebih tertarik dengan Islam dan memberi kesan yang mendalam. Penyebaran risalah yang bersifat menyeluruh hendaklah disampaikan kepada semua golongan.
3. Penekanan dakwah dalam soal aqidah dan penyuciannya mesti didahulukan. Ini adalah kerana ianya merupakan pokok dan tunjang kepada ajaran Islam yang perlu dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian.
4. Pendidikan yang bercorak Islam hendaklah disampaikan kepada anak-anak sejak kecil lagi yang berdasarkan Al Quran dan Al Sunnah. Suasana keluarga yang menekankan soal-soal Islam dapat mempengaruhi anak-anak supaya cintakan Islam.

5. Gerakan Islam harus berhati-hati dengan strategi musuh-musuh Islam yang sentiasa merencanakan untuk menghancurkan umat Islam. Formula perlu dicari untuk menyatukan umat Islam di atas dasar aqidah Islamiah.

6. Pendekatan dakwah yang hendak disampaikan harus melihat kepada suasana dan tempat. Ini penting untuk kita mengetahui penyakit masyarakat tersebut dan cara mengubatnya.

7. Gabungan antara ulamak dan umarak perlu divujudkan. Kerjasama ini penting dalam usaha pelaksanaan Islam de lebih berkesan dan mendalam lagi. Perlu ditegaskan bahawa ulamak jangan sekali-kali terbawa-bawa dan terpengaruh kepada kemahuan umarak semata-mata. Ulamak mestilah tegas dan jangan cuba menggadai prinsipnya semata-mata kerana mengikut kemahuan umarak.